

Liga Bola Jaring IPT bermula

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@nstp.com.my

► Kuala Lumpur



Sebanyak enam pasukan bola jaring institusi pengajian tinggi (IPT) akan berentap merebut Piala KSU-KPT bersempena dengan Liga Bola Jaring IPT (LBJIPT) mulai 20 Februari ini di Universiti Malaya (UM) pada peringkat Zon Tengah Utara.

Kejohanan akan turut berlangsung di empat lagi zon iaitu Zon Selatan di Politeknik Nilai, Zon Utara di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Zon Timur di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) diikuti Zon Tengah Selatan di Universiti Putra Malaysia (UPM) mulai Mac hingga April.

Empat pasukan terbaik peringkat zon akan beraksi pada peringkat Grand Final di UM pada 8 Mei hingga 12 Mei.

Pengarah Pusat Sukan

UM, Prof Madya Dr Mohd Salleh Aman; berkata kejohanan itu menjadi wadah mengenal pasti atlet berpotensi mewakili negara pada kejohanan bola jaring IPT peringkat antarabangsa.

"LBJIPT antara kejohanan besar penganjuran UM dalam menjalankan peranan sebagai Pusat Kecemerlangan Sukan Bola Jaring. Kami bercadang menganjurkan kejohanan bola jaring IPT peringkat Asia Tenggara pula pada akhir tahun ini.

"Atlet bola jaring IPT perlu memanfaatkan kejohanan ini untuk menonjol-



Prof Mohd Salleh (empat dari kanan) dan Dr Mohamad Faithal (tiga dari kanan) dan Jawatankuasa Liga Bola Jaring IPT 2013 bersama dengan trofi kejohanan dalam majlis pelancaran di UM.

kan prestasi terbaik mereka bagi membuka peluang mewakili negara pada peringkat antarabangsa," katanya ketika berucap dalam Sidang Media LBJIPT di sini, baru-baru ini.

Turut hadir Pengurus Operasi Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS) dan Pusat Sukan Tumpuan UM, Dr Mohamad Faithal Hassan.

Hadiah menarik

Sebanyak 35 IPT terbabit termasuk universiti awam dan swasta, kolej komuniti

serta politeknik mengesahkan penyertaan bagi kejohanan itu setakat ini dan dijangka akan terus meningkat berikutan tarikh tutup pendaftaran peringkat zon hingga April ini.

Juara peringkat zon akan menerima hadiah wang tunai RM2,000, manakala RM5,000 bakal menjadi habuan juara Grand Final.

Hadiah sampingan turut ditawarkan pada peringkat Grand Final bagi Penjaring Terbanyak, Pertahanan

Terbaik, Pemain Terbaik serta Pemain Muda Harapan.

Penganjuran kejohanan julung kali itu dipertanggungjawabkan kepada UM sesuai peranannya sebagai PKS Bola Jaring dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi.

Selain mengenal pasti bakat baru, kejohanan itu diharap membudayakan bola jaring di IPT selain menyokong usaha melahirkan 30 peratus atlet pemikir untuk skuad elit negara.

INFO

Jadual Liga Bola Jaring IPT 2013

Zon Tengah Utara - UM (20 Februari - 24 Februari 2013)
Zon Selatan - Politeknik Nilai (14 Mac - 17 Mac 2013)
Zon Utara - UniMAP (28 Mac - 31 Mac)
Zon Timur - UniSZA (11 April - 14 April)
Zon Tengah Selatan - UPM (24 April - 28 April)
Grand Final - UM (8 Mei - 12 Mei)

Hadiah

Peringkat Zon:

Juara: Wang tunai RM2,000, medal dan sijil
Kedua: Wang tunai RM1,500, medal dan sijil
Ketiga: Wang tunai RM1,000, medal dan sijil

Grand Final:

Juara: Wang tunai RM5,000, Piala KSU-KPT, piala iringan, medal dan sijil
Kedua: Wang tunai RM3,000, medal dan sijil
Ketiga: Wang tunai RM2,000, medal dan sijil
Keempat: Wang tunai RM1,000, medal dan sijil

[NIK ROSLI ISHAK/ BH]